

“Dan hendaklah kamu tetap diam di dalam rumah kamu serta janganlah kamu dedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu dan dirikanlah sembahyang serta berikan zakat dan taatlah kamu akan Allah dan rasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semua itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan kamu – wahai ‘ahlul bait’ dan anak, isteri dan jemaah (keluarga Rasulullah) - dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara keji)”

(Al-Ahzab: 33)

“Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah al-quran yang mulia yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan (yang tersimpan dalam kitab yang cukup terpelihara). Hati (kalbu) yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci (roh yang suci). Al-Quran itu diturunkan oleh Allah Taa’la Tuhan Sekelian Alam.

Patutkah kamu (wahai golongan yang kufur ingkar) bersikap benar tak benar terhadap keterangan al-quran ini? Dan kamu jadikan sikap kamu mendustakan (sebagai ganti) bahagian dan nasib kamu (menerima dan bersyukur akan ajarannya), maka alangkah eloknya kalau semasa (roh seseorang daripada kamu yang hampir mati) sampai kerongkongnya (sedang kamu pada masa itu di sekelilingnya) menyaksikan keadaannya. Dan kami lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat. Maka bukankah elok kalau kamu, orang-orang yang tidak dikuasai (dan tidak tunduk kepada kekuasaan kami), kami kembalikan roh itu (kepada keadaan sebelumnya), jika betul orang-orang yang benar.

Kesudahannya, jika ia (yang mati itu) orang-orang yang muqarrabin (darjat yang ada pada rasul-rasul, syuhada’, sahabat dan wali Allah) maka (ia akan beroleh) rehat, kesenangan dan rahmat kesegaran serta syurga kenikmatan, dan jika ia dari puak kanan.”

(Al-Waqiah: 77-90)

“Dialah yang memasukkan waktu siang dan memasukkan ke dalam waktu malam (silih berganti), dan Dialah yang Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada. Berimanlah kamu kepada Allah dan rasulNya dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang menjadikan kamu menguasainya sebagai Al-Waliy (wakil). Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian daripada harta benda itu pada jalan Allah) mereka tetap beroleh pahala yang besar.”

(Al-Hadid: 6-7)

“(Ingatlah) ketika engkau melihat (pada hari kiamat) orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, cahaya (nur iman dan amal soleh) mereka bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka, semasa mereka berjalan serta dikatakan kepada mereka, “Berita yang menggembirakan kamu pada hari ini (kamu akan beroleh) syurga

yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekal kamu di dalamnya.” Yang demikian itu adalah kemenangan yang besar.

(Ingatlah) semasa orang-orang munafik dan fasik, syirik (yang sedang meraba-raba dalam gelap-gelita pada hari kiamat) berkata kepada orang-orang beriman, tunggulah kami, biarlah kami mengambil sedikit cahaya kamu, lalu dikatakan kepada mereka secara mengejek-ejek, baliklah kamu ke dunia kemudian carilah cahaya di sana serta diadakan tembok pemisah di antara orang yang ada nur ke syurga dan yang tiada nur ke neraka.”

(An-Nur: 6-7)

“Ayat ini jelas menyatakan hanya orang-orang yang memiliki nur (cahaya) sahaja yang akan masuk ke syurga. Orang-orang yang tiada cahaya akan menuju ke neraka.

Dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-rasulNya mereka di sisi (hukum) Tuhan mereka (orang-orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi darjatnya) siddiqin, dan yang mati syahid, mereka akan beroleh pahala dan cahaya orang-orang siddiqin dan orang-orang mati syahid itu, dan (sebaliknya) orang-orang yang kufur dan ingkar serta mendustakan ayat-ayat keterangan kami mereka adalah ahli neraka.”

(Al-Hadid: 19)

Kata Saidina Ali Karramallahu Wajhah: “Kalau ku keluarkan ilmu di dadaku , nescaya 40 ekor unta akan sarat beratnya muatan”

Ilmu Allah jika ditulis dengan dakwat dari lautan tiada kering (kerana) banyaknya. Tapi sayang, dunia sekarang kalau berilmu agama yang ada hanya ilmu agama saja, tak dicari atau digalikan. Ingatlah, di akhirat sedekah jariah apa yang diterima Allah?

Jangan harap hanya dengan beragama Islam, berilmu hendak masuk ke syurga, tapi mesti ada **ahlul bait**, **muqarrabin** atau **siddiqin**, itu barulah keluarga rasul.

Islam baka, bangsa nabi-nabi (contohnya Israel) sampai sekarang tiada bumi sendiri, dan dilaknat oleh Allah. Jika hendak diceritakan tentang benih Adam a.s pula, baginda 300 disiksa di dunia (untuk menyucikan dirinya dari dosa).

Syurga bukan mudah diperolehi walaupun berilmu agama di dada sekiranya kita syirik. Syirik perkara yang kecil, tidak nampak dengan mata dan kata-kata. Jika betul-betul Islam, ianya tiada berpuak-puak seperti sekarang. Rasul-rasul khalifah di muka bumi. Begitu juga dengan kita, boleh menjadi khalifah, jadi Al-Wakil atau wali Allah yang muqarrabin. Tiada muqarrabin, tiada syurga.

Rasul-rasul Allah ada yang yatim, tiada pelajaran dan tiada didikan, tiada wang untuk belajar (ummiyin), tapi menjadi khalifah di muka bumi. Disebabkan mulut mereka masin dan kuasa Allah seperti di atas tadi. Sebab itu dikatakan hanya lapan sahaja yang dijamin syurga oleh rasul Muhammad di antara bukan di kalangan rasul Muhammad di masanya.

Siti Khadijah (pengorbanan)

Siti Aisyah (kesabaran)

Fatimah Az-Zahra (Telahan Al-Quran dalam hidupnya - ilmu)

Hassan dan Hussin cucu Rasulullah (jihad, syahid)

Khalid al-Walid (jihad, syahid)

Bilal bin Rabah (Menyeru - dakwah)

Saidina Hamzah (Jihad, syahid)

Di sini apa yang ingin disampaikan ialah tentang **ulul azmi**. Allah jadikan zuhud dan zahir kemudian barulah dijadikan sufi, apabila sufi barulah muqarrabin.

Islam syirik tiada muqarrabin.

Kafir juga tiada muqarrabin.

Apa amalan rasul-rasul Allah? Kenapa Fatimah Az-Zahra atau Aisyah r.a tidak menulis kitab selepas rasul Muhammad tiada?

Islam menjadi huru-hara disebabkan bid'ah sahabat-sahabat 4 - sebab mengapa Islam hari ini tidak maju dan ditindas, berbalah dan berpuak-puak selepas ketiadaan rasul Muhammad.

Marilah kita jadikan Islam sebenar-benar Ad-Din, bukan di mulut tapi di hati sanubari. Iman bukan di mulut, tapi di sanubari hati – kalbu (muqarrabin, ahlul bait, siddiqin).

Di dalam peperangan Badar, 300 orang tentera Islam; ada kanak-kanak, orang tua dan orang dewasa, tapi menang melawan tentera kafir seramai 10 000 orang. Ini kerana 300 orang tentera Islam **roh mereka suci**, dan orang yang rohnya suci barulah ia akan dibantu oleh tentera malaikat.

Tetapi sekarang, orang Islam berjuta banyaknya. Walaupun begitu, tetap kalah dengan Israel dan orang-orang kafir hanya dengan ugutan-ugutan dan cakap-cakap kosong sahaja, tiada digeruni langsung; kerana tiada muqarrabin.

Kata orang-orang kafir, *“Kalau ku tahu Kalam Allah di hati orang Islam, aku hendak tunduk (kerana tidak mahu melihat orang Islam) selama 40 hari.”*

Sekarang Islam diejek-ejek dan dipersenda, Islam sekarang hanya di jiwa sahaja, rohnya sudah tiada sebab diracuni dengan makanan (iblis nafsu) yang masuk senantiasanya. Jika ada muqarrabin, dirinya dijaga atau diatur kehidupan atau amalannya, yang buruk dijauhinya. Indahnya pangkat dan darjat muqarrabin – hidayat disegerakan.

Kata Hamka, tangga kebahagiaan atau Al-Saudah:

“Mata macam azimat, kata-kata menjadi sihir, boleh menasihati, boleh memuliakan, boleh menghina, kalau seisi alam kata ada, ianya jadi ada.”

Iman, ia tidak akan ada selagi belum diuji oleh Allah Ta’ala, bukan jarang-jarang atau sebulan sekali, malah tiap-tiap hari atau tiap-tiap masa sebelum diberi anugerah atau darjat oleh Allah.

Iblis sama dengan kita, apabila kita kecil ia kecil, apabila dewasa ia dewasa, dan apabila kita tua ia akan tua. Ia boleh berupa ustaz, tok guru dan macam-macam lagi.

Wahyu sudah tiada, sebab telah diturunkan kepada para rasul yang ada. Kita hanya ada petunjuk dan hidayat, barulah akan ada pemakmur. Kalau Islam betul, ia bukan saja pemakmur pada diri, pekan, bandar, negeri malahan pada negara dan dunia Islam seluruhnya.

Ingatlah, rasul-rasul Allah, para syuhada’, para sahabat dan wali yang ada muqarrabin sahaja, itulah jemaah dan keluarga rasul-rasul Allah. Islam hari ini susah, miskin, berpuak-puak, bertingkah, keburukannya lebih dahsyat. Macam mana orang kafir hendak tertarik pada Islam, sedangkan orang Islam sendiri begitu mudah dimurtadkan, walaupun dari kalangan ustaz dan ustazah sendiri.

Dan disediakan makanan, kitab cara / buah tangan / ilmu ke jalan yang lurus dan kami akan bimbing anda hingga berjaya mendapat muqarrabin, tergolong dalam ahli bait dan siddiqin. Kita yang dihisab di padang Mahsyar tiada kawan atau ahli kitab yang dapat menolong kita semua.

Jalannya cukup mudah, ringkas tetapi sentiasa diuji, barulah beroleh sufi yang berzuhud dan berzahir. Zahir bukan pada pakaian. Maknanya, tidak kira siapa pun boleh hadir. Jangan kita mati dalam kafir dan fasik. Biar pun nenek moyang kita Islam, benih (Adam) keturunan atau bangsa tidak Allah jadikan ukuran dan hisab.

Muqarrabin, ahli bait, siddiqin itulah jemaah dan keluarga rasul-rasul Allah. Tidak perlu tinggal jauh (asing diri) dari orang ramai, rutin harian kita sama sahaja seperti orang lain. Dunia ini perlu dinikmati kerana dunia dijadikan untuk manusia. Caranya mudah, kerana kami sudah melaluinya selama 4 tahun diuji.

Pangkat, darjat diberikan oleh Allah Taala pada hamba-hambanya, bukan kami yang berikan, cuma kami sekadar menunjukkan jalannya sahaja. Allah yang menguji, bukan jarang-jarang atau ketika-ketika sahaja malahan sentiasa dan selalu diuji untuk membersihkan roh atas kesalahan-kesalahan di masa lalu seperti Adam a.s ketika memakan buah Khuldi.

Taubat nasuha dan sembahyang sahaja tidak mencukupi untuk roh menjadi suci kerana Iblis dan nafsu bukan calang-calang kuasanya, tambahan syaitan di jalan-jalan ia berkeliaran dan masuk ke liang-liang roma, hidung, pusat dan rongga-rongga badan. Ketika makan tidak cukup hanya dengan bismillah (untuk mengeluarkan Iblis nafsu).

Akhir sekali, marilah kita mencari cahaya (roh suci). Dijamin syurga orang-orang yang ada muqarrabin. Ianya mesti ada kelebihan ini, dan isteri dan anak harta suami dijaga oleh Allah dan malaikatNya. Kelebihan dunia menjadi sebagaimana berikut:

Al-Aziz	- Tenaga / Batin (tidak letih)
Al-Jabbar	- Pemaksa (keras, tegas)
Al-Mutakabbir	- Dipandang mulia
Al-Khaliq	- Petunjuk dari Allah
Al-Badi'	- Hidayat dari Allah
Al-Musawwir	- Idea, Ilmu banyak, mantiq (ubun-ubun)
Al-Ghaffar	- Pendinding diri (tulah jadi kidal atau qadha' qadar)
Al-Qahhar	- Dijaga oleh malaikat, hamba soleh
Al-Fattah	- Minda pembuka segalanya (matin), idea terbuka
Al-Alim	- Banyak pengetahuan
Al-Qabidh	- Pantang dicabar seperti surah lebah (An-Nahlu) – pantang diusik atau diganggu walaupun Islam di dunia mana sekalipun.

Dan juga pakaiannya tidak berbau kerana tubuh badan tidak berbau. Dalilnya ialah, semasa berada di Mekah (tanah haram), pakaiannya tidak berbau. Keluar sahaja dari tanah haram seperti pergi ke Jeddah, badan akan berbau.

Jadilah manusia yang terkaya di kalangan manusia. Islam sekarang sudah diancam dengan bangsa-bangsa lain sama ada di dunia luar atau di bumi Malaysia sendiri. Perkara yang pelik-pelik berlaku, anak-anak orang Islam jadi tak tentu arah. Macam-macam berlaku walaupun ilmu agama banyak.

Wallahu a'lam.

Sila hantarkan nama, nombor telefon serta kesanggupan kalian untuk hadir untuk forum kerana dewan perlu ditempah. Untuk itu peserta bolehlah menderma sebanyak RM500 setiap peserta.

Rahimi: 014-8182855

Allah, hamba – teguh sabar

Ahlul Bait – suci diri, asing diri >> sebab jadi siddiqin

Ulil amri = teguh kesabaran dengan apa yang diuji oleh Allah dalam ujiannya.

Yasin = Yang Esa

Kaf Ha Ya Ain Sad = katakan Yang Esa (kepada Allah pada setiap masa)